



**SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN  
LAKI-LAKI METHODIST KUALA LUMPUR**

---

**PERATURAN PERMARKAHAN  
PERCUBAAN**

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2014**

**1103 / 2(PP)**

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 1**

**Ogos**

**2 ¾ jam**

**Dua Jam lima belas minit**

---

**Disediakan oleh : Pn. Hasmawati bt. Hashim**

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Sekolah Menengah Kebangsaan Laki-Laki Methodist Kuala Lumpur**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa jua bentuk penulisan dan percetakan

[Lihat halaman sebelah]

**Cadangan Jawapan****Bahagian A**

Langkah-langkah mengekalkan kebersihan tandas di sekolah

- Mengadakan aktiviti pembersihan secara berkala
- Mengadakan kempen berterusan oleh pihak berkaitan
- Ibu bapa memberikan perhatian dan didikan tentang kebersihan tandas

**Pendahuluan:**

- Tandas atau kamar selesa merupakan tempat yang pasti dikunjungi oleh orang pada setiap hari.
- Tandas yg bersih mencerminkan peribadi penggunaanya.
- Jika kotor, penggunaanya dianggap sebagai seorang yg tidak mementingkan kebersihan.
- Kebersihan tandas di sekolah-sekolah wajar diberi penekanan.
- Kebersihan tandas patut dimasukkan dalam agenda utama program 3K di sekolah.
- Jika anda ingin melihat sama ada sikap mengutamakan kebersihan berbudaya di sesebuah sekolah lihat tandasnya.
- Jika tempat yang dianggap paling kotor itu paling bersih luar dan dalam, itu selalunya menggambarkan yang warga sekolah memang prihatin terhadap aspek kebersihan ini.
- Terdapat banyak cara untuk mengekalkan kebersihan tandas di sekolah.

**Isi:**

1. Mengadakan aktiviti pembersihan secara berkala
  - Para pelajar akan membersihkan tandas secara berkala – secara berkumpulan – tidak mengharapkan pekerjaan.
  - Giliran membersihkan tandas mengikut kelas diadakan.
  - Pelajar akan menghargai kebersihan & tahu menjaga tandas dgn baik.
2. Mengadakan kempen berterusan oleh pihak berkaitan
  - Pihak jabatan atau kementerian berkaitan wajar mengadakan kempen tentang kebersihan tandas.
  - Poster & brosur diedarkan di sekolah
  - Pertandingan tandas terbersih di peringkat daerah/zon/negeri diadakan.
  - menggalakkan pelajar mengekalkan kebersihan tandas.
3. Ibu bapa memberikan perhatian dan didikan tentang kebersihan tandas
  - Didikan tentang penjagaan tandas sejak kecil
  - Ibu bapa menunjukkan cara penggunaan tandas yg betul.
  - Ibu bapa menjadi suri teladan
  - Amalan ini akan dibawa ke sekolah.

**Kesimpulan:**

- Isu kebersihan tandas merupakan sesuatu yang serius yang perlu kita semua ambil berat.
- Jika ada pelawat atau tetamu kita merungut tentang tandas sekolah kita yang menjijikkan, sudah tentu hal ini akan memalukan & mencemarkan imej sekolah.
- Kebersihan sebahagian daripada iman.

**Bahagian B**

**1. Setiap pelajar mempunyai persediaan tersendiri untuk menghadapi peperiksaan agar memperoleh keputusan yang cemerlang.**

**Jelaskan persediaan-persediaan yang anda lakukan sebelum menjelangny musim peperiksaan awam.**

**Pendahuluan**

- Peperiksaan ialah perkara biasa dalam kehidupan seseorang yang masih belajar di alma mater.
- Peperiksaan amat penting untuk menilai keupayaan & potensi pelajar dalam sesuatu aspek atau mata pelajaran.
- Terdapat dua jenis peperiksaan, iaitu peperiksaan sekolah & peperiksaan awam.
- Peperiksaan di peringkat sekolah adalah seperti ujian selaras, peperiksaan pertengahan tahun & peperiksaan akhir tahun manakala contoh peperiksaan awam yang perlu diambil ialah UPSR, PT3, SPM & STPM.
- Tidak dapat dinafikan bahawa setiap pelajar pasti mempunyai keinginan untuk mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan termasuklah saya.
- Strategi-strategi yang ampuh perlu saya ambil untuk memperoleh kejayaan yang cemerlang dalam peperiksaan.

**Isi :**

- a) Saya akan menetapkan visi atau matlamat untuk memperoleh keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan SPM, iaitu 10A+.
- Bagi saya,dengan adanya visi tersebut, saya seolah-olah bersemangat untuk belajar setelah membaca visi yang saya buat.
  - Visi tersebut seolah-olah menjadi pendorong dan pembakar semangat saya selain kedua-dua ibu bapa saya.
  - Saya akan membuat dan menghias visi tersebut.
  - Kemudian, tampalkan di dalam bilik tempat yang selalu saya ulang kaji pelajaran.
  - Saya akan membaca visi saudara setiap kali mahu belajar.
- b) Merancang waktu belajar/ menguruskan masa dengan efisien
- sangat penting supaya saya dapat belajar secara sistematik & terancang
  - mengelakkan belajar pada saat-saat akhir
  - jadual yang disediakan mengambil kira waktu belajar di sekolah, masa menyiapkan kerja sekolah, rehat, ulang kaji termasuklah hujung minggu.
  - mendisiplinkan pelajar.
- c) Membuat ulang kaji
- ulang kaji secara konsisten
  - menyiapkan diri dengan input & malulmat tambahan
  - ulang kaji semua mata pelajaran, bab demi bab
  - membuat nota ringkas supaya tidak cemas
  - pilih tempat untuk ulang kaji yg kondusif spy boleh belajar dgn tenang & fokus
  - tidak membuat ulang kaji di tempat bising spt di hadapa televisyen
  - ulang kaji secara berkumpulan atau individu
- d) Mengamalkan pemakanan yang sihat & berkhasiat
- Makanan berkhasiat penting untuk memberikan tenaga & menguatkan memori

- mengambil makanan yang kaya dengan karbohidrat, protein, vitamin, pelawas dan pelbagai nutrien lain.
- banyakkkan makan buah-buahan
- dapat meningkatkan keimunan badan melawan penyakit.
- Banyakkan minum air kosong kerana air kosong akan membekalkan oksigen kepada otak dan tubuh.
- Air kosong juga dapat mengekalkan suhu badan.
- Mengambil makanan yang dapat merangsang otak seperti kismis, kurma, madu lebah.
- Jangan makan makanan yang pedas dan masam. Makanan yang masam dapat melemahkan daya pemikiran.
- Pengambilan makanan yang sihat & seimbang dapat mengurangkan stres, mencerdaskan minda & mencergaskan fizikal untuk belajar.

e) Persediaan mental & rohani

- berfikiran positif
- mempunyai semangat juang yang tinggi untuk belajar
- tidak mudah putus asa jika ada mata pelajaran yang susah & sukar difahami
- persediaan rohani penting utk mendapatkan ketenangan.
- amalan mengikut agama masing-masing dijalankan : Islam/Muslim: membaca al-Quran, solat lima waktu, berdoa
- menghormati guru-guru, mentaati ibu bapa & melakukan aktiviti kebajikan

f) Menjaga keselamatan diri

- Keselamatan diri perlu dijaga dengan sebaiknya.
- Menjauhkan diri daripada aktiviti lasak yang membawa kepada kecelakaan.
- Elakkan diri daripada sebarang kecederaan.
- Saya tidak mahu mengambil peperiksaan di dalam wad di hospital.
- Memanglah kemalangan tidak pernah diundang, tetapi sekiranya kita tidak berhati-hati kita sebenarnya mendedahkan diri kepada pelbagai kemungkinan.
- Dalam musim menjelang peperiksaan, lebihkan masa berada di rumah.

Kesimpulan:

- Saya perlu mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan agar masa depan saya tidak gelap tetapi terang dengan cahaya iaitu kejayaan. 'Kejayaan dalam peperiksaan diibaratkan pelita yang menjadi penyuluh kepada kita pada malam-malam yang gelap-gelita.
- Kecemerlangan dalam peperiksaan akan menentukan masa depan kita, kita akan hidup teraba-raba dalam kegelapan.
- Oleh itu, saya akan belajar berungguh-sungguh untuk mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan ibarat genggam bara api biar sampai jadi arang.

**2. Salah satu tanggungjawab ibu bapa kepada tanah air adalah untuk membentuk dan mengasuh anak-anak menjadi warganegara yang berjiwa patriotik. Anda berminat untuk menulis sebuah rencana untuk majalah tempatan tentang peranan ibu bapa bagi memupuk semangat patriotik dalam jiwa anak-anak itu.**

***Tulis rencana tersebut selengkapnya.***

## Pendahuluan:

- Rakyat yang patriotik diibaratkan seorang individu yang sanggup mengorbankan dirinya untuk kepentingan negara tanpa banyak alasan.
- Antara tindakan yang dilihat sebagai cinta akan negara meliputi amalan bekerja dengan rajin, tidak menimbulkan masalah seperti terlibat dalam jenayah dan membantu rakyat lain yang miskin.
- Pihak media massa terutama akhbar telah menggunakan konsep patriotik ini dalam banyak karya penulisan mereka sebagai cubaan untuk menanam semangat ini dalam jiwa rakyat.
- Sebenarnya, ibu bapa mempunyai peranan yang besar untuk memastikan semangat ini dimiliki oleh anak-anak generasi muda Malaysia.

## Isi:

- a) Ibu bapa membawa anak melancong ke tempat bersejarah di negara ini terutama ketika musim cuti sekolah.
  - Anak akan lebih mengerti perjuangan tokoh negara seperti Dato Bahaman dan Mat Kilau apabila mereka dapat melihat sendiri kawasan pertempuran yang berlaku antara pejuang negara dengan penjajah British itu.
  - Mereka boleh membaca penulisan yang biasanya menerangkan serba ringkas perjuangan pejuang ini di kawasan bersejarah itu lalu menimbulkan rasa bangga dan berterima kasih atas perjuangan tokoh tersebut.
  - Jadi, anak akan lebih tinggi semangat cinta akan negaranya apabila sering melawat tempat bersejarah di negara ini.
- b) Ibu bapa sendiri hendaklah memaparkan semangat nasionalisme yang tinggi kepada anak sendiri kerana kita tidak mahu digelar umpama ketam mengajar anaknya berjalan lurus pula.
  - Menjadi suri teladan dari segi menerusi percakapan, tindakan, penghayatan dan sebagainya yang menjurus ke arah pengorbanan negara terhadap kehidupan mereka selama ini.
  - Anak telah diyakini akan meniru kelakuan orang tua mereka bak kata pepatah bapa borek anak rintik terutama apabila sering didedahkan dengan kelakuan patriotik sebegini.
  - Jadi, teladan ibu bapalah yang membawa penyemaian benih nasionalisme dalam jiwa remaja kita tersebut.
- c) Ibu bapa membawa anak untuk sama-sama melihat sambutan Hari Kebangsaan setiap tanggal 31 Ogos
  - Biasanya, kawasan sambutan ini akan dipenuhi dengan pelbagai acara yang cuba meniupkan semangat cinta akan negara ini dalam hati muftamak yang hadir itu.
  - Suasana yang penuh dengan semangat nasionalisme ini pasti menimbulkan rasa bangga dalam hati anak yang menontonnya itu.
  - Oleh itu, amalan membawa anak ke tempat sambutan hari kebangsaan boleh memupuk rasa cinta akan negara.
- d) Ibu bapa zaman moden ini boleh menggunakan teknologi untuk menghuraikan semangat patriotik kepada anak mereka.
  - Penggunaan teknologi seperti internet dan telefon pintar membolehkan ibu bapa menyalurkan lebih banyak informasi tentang sejarah negara dengan satu sentuhan sahaja.

- Ibu bapa boleh melayari internet untuk mendapatkan maklumat tentang sejarah negara yang kadangkala begitu mengelirukan itu juga.
  - Penggunaan teknologi sebegini mampu memudahkan tugas ibu bapa untuk memastikan anak mereka memiliki rasa cinta akan negara.
- e) Semangat cinta dan sanggup berkorban demi negara ini boleh disemai dalam jiwa anak menerusi amalan penceritaan ibu bapa.
- Kisah dahulu ketika negara belum mengalami kemodenan harus diterangkan kepada pelajar agar mereka memahami erti pengorbanan pejuang dan pemimpin negara yang telah membawa perubahan besar itu.
  - Anak yang selalu mendengar itu akan mula perlahan-lahan menghargai jasa pejuang negara terdahulu lalu memasang impian untuk turut membuat jasa kepada bangsa dan nusa pula.
  - Ibu bapa yang bijak akan sering bercerita mengenai perubahan pembangunan negara supaya anak memahami kehidupan yang dialami sekarang berpunca daripada pengorbanan orang terdahulu.

Kesimpulan:

- Konklusinya, usaha memupuk semangat cinta akan negara ini memang menjadi tugas ibu bapa.
- Golongan ini perlulah mahir menggunakan peluang dan situasi yang wujud untuk memudahkan anak memahami makna pengorbanan rakyat yang sebenarnya.
- Jika ibu bapa masih mengamalkan sikap lepas tangan dalam menangani isu semangat cinta akan negara ini sudah pasti generasi muda kita akan hilang rasa hormat terhadap negara.
- Kita harus sedar semua yang berlaku pada masa hadapan berpunca daripada pengorbanan orang terdahulu.

**3. *Kemerosotan sumber petroleum yang dijangka akan habis menjelang tahun 2020 dan kenaikan harga petroleum mentah yang berterusan telah mendorong kerajaan menarik balik subsidi harga petrol.***

***Bincangkan kesan kenaikan harga bahan mentah ini kepada rakyat dan cadangkan langkah-langkah yang perlu diambil oleh pelbagai pihak bagi mengurangkan kesan tersebut.***

## Pendahuluan:

- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak telah mengumumkan kenaikan harga petrol Ron 95 dan Diesel sebanyak 20 sen pada 3 september 2013.
- Kerajaan terpaksa merasionalkan beberapa subsidi sedia ada termasuk harga minyak bagi membantu negara mengharungi keadaan ekonomi global.
- Walau bagaimanapun, kenaikan bahan bakar ini menambahkan beban kepada golongan masyarakat berpendapatan sederhana dan rendah terutamanya yang tinggal di bandar.
- Terdapat beberapa kesan akibat kenaikan bahan mentah ini.
- Pelbagai langkah perlu diambil untuk mengurangkan kesan kenaikannya.

## Isi-isi

## Kesan-kesan

- a) Kehidupan golongan yang berpendapatan rendah semakin terhimpit.
  - Hal ini berlaku kerana kuasa beli mereka semakin berkurangan
  - Pendapatan mereka menjadi semakin berkurangan.
  - Peningkatan harga minyak yang tinggi tersebut akan memberikan kesan kepada kenaikan harga barang, terutama harga barang makanan.
  - Bahan makanan, sama ada dalam bentuk mentah, separa proses atau siap diproses perlu diangkut dari tempat pengeluaran atau pemprosesan kepada tempat pemasaran.
  - Kenaikan kos pengangkutan dan kos pemprosesan sudah tentu akan dipindahkan kepada pengguna dengan menaikkan harga barang akhir barang yang diangkut.
  - Contohnya, barang-barang keperluan harian dijangka meningkat antara 10 hingga 20 peratus berbanding harga yang sebelumnya.
  - Perkara ini sudah tentu akan mendatangkan kesan kepada mereka kerana pendapatan mereka sebelum ini hanya cukup untuk makan.
- b) Kegiatan mengambil untung berleluasa dan pengguna menjadi mangsa eksploitasi peniaga.
  - Segelintir peniaga akan menggunakan kesempatan ini untuk menaikkan harga barang dan perkhidmatan.
  - Pihak yang tidak mahu memikul beban kenaikan akan memindahkan lebih kos kepada pihak lain, sama ada pembekal atau peruncit dan mangsanya ialah pengguna.
  - Terdapat juga peniaga yang sewenang-wenangnya menaikkan harga barang.
  - Sikap tidak bertanggungjawab ini membawa kesan negatif kepada sosioekonomi dan menyekat kemajuan ekonomi negara.
  - Lazimnya, peniaga akan menaikkan harga barang-barang jauh lebih tinggi peratusannya daripada peratusan kenaikan harga tenaga. Kalau teh tarik dinaikkan daripada RM1.20 kepada RM1.50 suatu kenaikan sebanyak 40 peratus sedangkan harga satu tin susu pekat mungkin naik 10 sen daripada RM2.50, suatu kenaikan tidak sampai 5 peratus.
  - Kita lihat perkara ini berlaku apabila harga gula dinaikkan, kuih yang tiga seringggit sudah jadi RM1.20 kenaikan sebanyak 20 peratus.
- c) Kesan buruk pada institusi Keluarga
  - Oleh sebab tekanan kewangan yang semakin menekan, sudah pasti ibu atau bapa yang jika sebelumnya berkerja sudah memadai pada siang hari sehingga ke belah petang namun keadaan ini telah merubah segalanya sehingga terpaksa berkerja pada sebelah malam untuk mencari pendapatan tambahan.

- Kesan daripada itu, anak-anak tiada tempat lain untuk menerima kasih sayang daripada keluarga. Jika sebelumnya mereka dapat meluangkan masa bersama-sama pada sebelah malam, namun kini tidak seperti itu lagi. Kasih sayang sudah terhakis.
- Bapa selalunya akan mudah marah. Contohnya, akan mengungkit. Jangan selalu keluar naik kereta, banyak guna petrol. Sedangkan si anak ingin pergi membeli kelengkapan belajar (Contohnya).
- Ibu bapa mudah menyalahkan anak-anak kerana melakukan kesilapan kecil. Contohnya, terlalu banyak memasang lampu dan sebagainya. Jika sebelumnya tiada masalah. Kini timbul masalah.

d) Masalah Sosial

- Kesan daripada kurang perhatian daripada keluarga, para remaja belia akan mencari perhatian daripada siapa lagi jika tidak dari kawan-kawan mereka kerana tersilap pilih di situlah wujudnya gejala sosial.
- Jenayah makin meningkat, berlakunya kes ragut, pecah rumah, rogol dan bunuh kerana daripada tekanan hidup yang semakin hari semakin menekan.
- Tugas polis pula menjadi makin berat, kerana kadar jenayah makin meningkat. Lalu polis juga tertekan, kerana mereka juga manusia. Kerja yang dilakukan mereka tidak berbaloi dengan gaji yang diperoleh lalu berlakulah amalan rasuah. Rasuah merupakan amalan yang mudah untuk menerima duit tanpa perlu bekerja keras.

- e) Pengusaha khususnya golongan yang kurang mampu terpaksa menanggung bebanan kos yang tinggi seperti kenaikan kadar sewa dan cukai yang melampau bagi sesebuah premis perniagaan sehingga ada pemilik restoran yang terpaksa menutup restorannya ekoran daripada kenaikan kadar sewa tapak premis berkenaan.

f) Kos pengangkutan meningkat

- Pengusaha pengangkutan perdagangan menaikkan caj perkhidmatan kenderaan perdagangan sebanyak lima peratus.
- Kenaikan harga minyak menyebabkan mereka perlu menanggung kos tambahan.

g) Kos bahan binaan meningkat

- Peningkatan harga rumah
- Peningkatan harga minyak menyebabkan kos bahan binaan meningkat.

### Langkah-langkah

a) Kempen jimat cermat dalam kalangan pengguna oleh pihak kerajaan.

- melalui kempen sama ada melalui radio, tv mahupun akhbar, kerajaan boleh menggalakkan masyarakat supaya berjimat cermat.
- Kempen tersebut juga sekurang-kurangnya diharapkan dapat memberikan kesedaran kepada para pengguna.
- Kesan kenaikan harga barang akan dapat ditangani dengan lebih berkesan dalam kalangan pengguna.

b) Kerajaan perlu menggiatkan usaha penyelidikan untuk mencari sumber alternatif

- Perlu disedari bahawa harga minyak yang melambung naik sebenarnya harus mencetuskan kesedaran baru untuk mengurangkan pergantungan terhadap bahan bakar fosil di samping gas dan arang batu.
- Keperluan semakin mendesak untuk setiap anggota masyarakat termasuk industri menggunakan tenaga secara lebih cekap serta menjimatkan selain mempergiatkan usaha mencari tenaga alternatif.
- Seperti penggunaan minyak kelapa sawit boleh menggantikan kuasa dalam membekalkan tenaga elektrik.



- Pelbagai sumber alternatif yang masih terhad lagi kita gunakan iaitu antaranya tenaga berasaskan angin, suria, hidrogen dan sisa organik.
- c) Pihak kerajaan hendaklah sentiasa membuat pemantauan dan mengambil tindakan yang tegas terhadap mana-mana pihak yang menaikkan harga barangan dengan sesuka hati tanpa mendapat kelulusan daripada pihak kerajaan.
- Pegawai yang bertanggungjawab hendaklah mengadakan lawatan/pemeriksaan secara mengejut dari semasa ke semasa untuk memastikan penjual mematuhi peraturan yang telah ditetapkan atau tidak bersikap seperti lintah darat.
  - Contohnya, mana-mana pihak yang menaikkan harga barangan dengan sesuka hati atau cuba memasang lukah di pergingingan, mereka hendaklah didakwa di mahkamah.
  - Tindakan ini akan menyebabkan mereka tidak berani untuk mengambil kesempatan dalam suasana negara menghadapi kenaikan harga barang.
- d) Masyarakat perlu memaksimumkan penggunaan pengangkutan awam – kemudahan LRT, ERL, komuter digunakan sepenuhnya.
- Orang ramai masih gemar memandu kenderaan sendiri daripada menggunakan pengangkutan awam.
  - Hal ini menyebabkan penggunaan bahan api terus meningkat.
  - Walau bagaimanapun kita tidak boleh menyalahkan pengguna atas pilihan tersebut jika mutu perkhidmatan awam baik bas, teksi dan kemudahan LRT dan komuter masih kurang memenuhi kehendak dan permintaan rakyat.
  - Kita tidak boleh membandingkan dengan negara lain sekiranya ingin menggalakkan pengguna menggunakan pengangkutan awam.
  - Contohnya, sistem pengangkutan awam di Singapura adalah cekap dan lengkap.
  - Oleh itu, kenaikan harga barang memberikan impak yang sangat besar kepada kuasa beli masyarakat.
- e) Masyarakat yang juga merupakan pengguna terutama yang mempunyai tanah sendiri digalakkan untuk menanam sayur-sayuran bagi menjimatkan perbelanjaan harian.
- Sebenarnya, cadangan ini pernah dipraktikkan pada 1970an dengan rancangan Buku Hijau.
  - Para pengguna tidak perlu membeli sayur-sayuran di pasar setiap hari.
  - Contohnya, masyarakat boleh menanam sayur-sayuran yang mudah ditanam di belakang rumah ataupun di dalam pasu seperti cili, kangkung, sawi, kunyit, serai, tomato dan sebagainya.
  - Selain untuk kegunaan sendiri, sayur-sayuran itu juga boleh diberikan kepada jiran-jiran yang berhampiran.
  - Sudah tentu tindakan ini akan menjimatkan perbelanjaan dan secara tidak langsung, cara ini juga boleh merapatkan hubungan sesama jiran dan seterusnya dapat melahirkan masyarakat yang harmoni.
  - Cara ini juga boleh menjimatkan masa untuk membeli sayur-sayuran di pasar.

#### Kesimpulan:

- Kenaikan harga minyak secara langsung atau tidak langsung akan menyebabkan harga barang meningkat.
- Kenaikan harga barang yang tidak terkawal akan menyebabkan kekacauan dan ketidakpastian ekonomi, sosial dan politik yang mengancam keharmonian negara.
- Oleh itu, semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing untuk membendung masalah kenaikan harga barangan keperluan dan mengambil tindakan untuk mengatasi masalah ini supaya masalah kenaikan harga barang dapat dikawal.
- Sebagai pengguna bijak kita perlu mengawal perbelanjaan seharian supaya kita tidak akan dibebani dengan kesan kenaikan harga minyak.

#### **4. *Segelintir pihak telah menjadikan Internet sebagai medan untuk melakukan jenayah yang dikenali sebagai jenayah siber.***

***Huraikan faktor-faktor jenayah siber ini sukar dibendung dan langkah-langkah yang perlu diambil oleh setiap negara di dunia untuk memerangi jenayah tersebut.***

#### Pendahuluan

- Keprihatinan tentang jenayah di dunia siber bukan sahaja disedari di peringkat pemerintah berikutan banyak penipuan dan kes-kes jenayah melibatkan rakyat negara Malaysia terutama di luar negara kerana kelicikan penjenayah siber ini, tetapi juga dipaparkan oleh orang perseorangan. Banyak artikel berkaitan jenayah siber dan keselamatan komunikasi alam maya telah ditulis, dipaparkan dan diulas dalam laman blog persendirian.

#### Klasifikasi Jenayah siber

- Kesemua peringkat penggunaan komputer sentiasa berhadapan dengan aktiviti jenayah, sama ada sebagai mangsa kepada jenayah atau peralatan bagi jenayah atau kedua-duanya. Operasi input, pemprosesan data, operasi output dan komunikasi data telah digunakan dengan teliti untuk tujuan yang tidak sihat. Jenis jenayah siber yang biasa kita dengar;
  1. Penipuan
  2. Kerosakan atau pengubahsuaian terhadap program atau data komputer
  3. Kecurian maklumat
  4. Capaian secara tidak sah ke atas sistem
  5. Menyalin perisian secara tidak sah
  6. Pengintipan
  7. Judi siber
  8. Skim cepat kaya
  9. Pornografi
  10. Penggodam atau "Hacker"
  11. Penyebaran virus

dan banyak lagi. Mungkin juga kita akan berhadapan dengan bentuk jenayah baru selaras dengan kepesatan pembangunan komputer. Isu yang ingin dibincangkan di sini bukanlah berkenaan bagaimanakah jenayah dilakukan tetapi mengapakah jenayah ini sukar dibendung?

#### Isi

##### Faktor-faktor

##### a) Penjenayah siber sukar dikenal pasti

- Siapakah penjenayah siber? Apakah jenayah yang dilakukan? Di mana jenayah dilakukan? Soalan-soalan yang sukar dijawab.
- Kalau jenayah lain senang dikenali contohnya perompak tentu sekali memegang senjata , penculik tentu sekali meminta wang tebusan tetapi bagaimana mengenali penjenayah siber?
- "Satu masalah utama untuk membezakan ancaman siber dengan ancaman fizikal adalah untuk menentukan siapa yang menyerang sistem kita, mengapa, bagaimana, dan dari mana," Michael A. Vatis dari FBI.
- Umumnya penjenayah siber adalah dari golongan berpengetahuan ataupun profesional.
- Mungkin kawan kita , mungkin pelajar, mungkin profesor atau sesiapa sahaja. Mereka akan melakukan jenayah terhadap intitusi mereka sendiri atau intitusi pesaing atau mereka diupah oleh pihak tertentu contohnya.

- Organisasi perniagaan mungkin menjadi sasaran pesaingnya, pekerja atau bekas pekerja.
- Bank serta institusi kewangan oleh perompak dan penjenayah professional manakala pihak universiti menjadi sasaran pelajar atau bekas pelajar.
- Agensi kerajaan pula mungkin menjadi mangsa pengganas dan komputer militari mungkin disabotaj.
- Kalaulah orang yang melakukan jenayah tidak di kenali undang-undang yang di rangka untuk membendungnya tidak akan bermakna. Di Amerika yang canggih teknologinyapun gagal mengesan perancang tragedi 11 September. Semasa Peristiwa 11 September 2001, 19 orang perampas kapal terbang memasuki Amerika Syarikat dengan menggunakan visa yang sah. Selain secara peribadi, mereka berhubung melalui Internet atau membuat panggilan telefon dengan menggunakan kad prabayar untuk merancang serangan terhadap New York dan Washington.

b) Kepentingan ekonomi

- E-commerce dan K –ekonomi menjadi begitu penting sekarang. Dalam era globalisasi sekarang sesebuah negara akan ketinggalan jika masih bergantung kepada kaedah traditional sahaja dalam urusan ekonomi.
- Mereka perlu bergerak seiring dengan negara-negara yang mengamalkan K- ekonomi. Bagi negara-negara membangun kepakaran dalam bidang teknologi maklumat amat terhad. Untuk mengatasi masalah ini mereka perlu membuka pintu untuk pelaburan luar.
- Malaysia contohnya telah membina Multimedia Super Corridor (MSC), iaitu sebuah kawasan seluas 15 km x 50 km selatan Kuala Lumpur.
- MSC menyasarkan untuk menarik syarikat teknologi bertaraf dunia menggunakan MSC sebagai pusat untuk pengujian teknologi.
- Tujuh aplikasi perdana telah dibentuk untuk mengujudkan aktiviti di dalam MSC yang terdiri daripada daripada sekolah bestari, kad pintar, teleperubatan, kluster R&D, kerajaan elektronik, rangkaian pengilangan sedunia dan pemasaran tanpa sempadan.
- Untuk menarik pelaburan asing yang berstatus MSC Malaysia telah memperkenalkan sebuah senarai yang dikenali sebagai Rang Jaminan (Bill of Guarantees) yang antara jaminannya ialah tiada pernapisan internet.
- Selain malaysia banyak negara lain mengambil langkah yang sama contohnya Indonesia, India, mexico dan boleh dikatakan semua negara maju tidak menapis internet. Tidak menapis internet bermakna semua orang boleh menggunakan internet dengan bebas ini termasuklah penjenayah siber. Oleh itu tidak bermakna dirangka undang-undang jenayah siber

c) Berbeza takrifan jenayah

- Sebelum kita melangkah lebih jauh lagi untuk membincangkan jenayah siber ini, terlebih dahulu marilah kita lihat terlebih dengan definisi jenayah siber itu sendiri. Jenayah membawa maksud aktiviti seperti kecurian, penipuan, pemalsuan, peras ugut. Jenayah komputer pula melibatkan segala aktiviti jenayah yang biasa dilakukan seperti kecurian, penipuan, peras ugut dan segala aktiviti yang melibatkan pelanggaran undang-undang yang sedia ada.
- Walau bagaimanapun, definisi yang lebih baik dan komprehensif telah dibuat oleh Mr Donn B. Parker seorang penyidik di dalam jenayah komputer dan keselamatan untuk SRI International di Menlo Park, California. Beliau menyatakan bahawa jenayah komputer ialah perlakuan yang mempunyai niat dan dikaitkan dengan komputer melalui apa-apa cara dan menyebabkan mangsa menderita atau boleh menyebabkan penderitaan, kerugian dan berterusan.

- Namun demikian, kita harus akui bahawa ujudnya takrifan jenayah siber antara negara. Bagi negara-negara Islam judi, pornografi, pengiklanan seks ialah suatu jenayah tetapi bukan jenayah di kebanyakan negara. Contohnya di Amerika Syarikat hal-hal sebegini dianggap remeh hanya pornografi kanak-kanak saja dianggap jenayah .
  - Dengan adanya takrifan yang berbeza ini sukar untuk dikuatkuasakan undang-undang siber. Di Malaysia yang terikat dengan janji tidak menapis internet terpaksa merelakan jenayah ini.
- d) Kepentingan ketenteraan
- Dunia tanpa sempadan menjanjikan peluang serta ancaman, kesejahteraan serta kemusnahan, dan keamanan serta peperangan. Akibat semakin saling berhubungan, maka sistem dan rangkaian maklumat kini terdedah kepada pelbagai ancaman dan mudah diserang. Keadaan ini mewujudkan isu baru tentang keselamatan.
  - Sesetengah negara seperti Amerika Syarikat meletakkan perlindungan daripada serangan berasaskan siber dan jenayah teknologi tinggi sebagai salah satu keutamaan yang penting..
  - Teknologi maklumat bukan sahaja mengaburkan sempadan antara perkhidmatan dan sempadan antara dunia ketenteraan dengan dunia awam, tetapi juga mengaburkan sempadan keselamatan.
  - Peperangan zaman teknologi maklumat bukan sahaja peperangan yang melibatkan kekuatan fizikal ketenteraan sahaja malahan peperangan ilmu pengetahuan. Pihak musuh akan menggunakan teknologi ini untuk menyerang sistem komputer kita. Serangan dilakukan dengan berbagai cara termasuklah mencuri maklumat dan merosakkan sistem. Kita sebagai pihak yang diserang perlu melengkapkan diri dengan ilmu bagaimana mempertahankan diri dan menyerang balas. Situasi ini secara tidak langsung akan menggalakkan ilmu cara untuk mencerooboh sistem dan merosakkan komputer berkembang. Secara tidak langsung penggadam dilahirkan. Penggadam ini jika disalahgunakan terhadap awam akan menjadi jenayah jenayah. Dalam masa undang undang siber di rancang dan dalam masa yang sama kita melahirkan penggadam.
- e) Sikap manusia
- Sikap manusia memang sesuatu yang sukar dikawal. Kita tidak boleh mengubah kelakuan seseorang melainkan orang itu sendiri mengubahnya. Jenayah siber sering dilakukan oleh manusia yang mempunyai kelakuan yang negatif.
  - Mereka menyerang sistem hanya sekadar suka-suka ataupun mencuba ilmu yang baru dipelajari mereka. Kebanyakan mereka ini ialah remaja ataupun dalam lingkungan 20 an.
  - Golongan remaja mempunyai sikap yang sukar diramal. Mereka belum cukup matang untuk berfikir tentang akibat jenayah yang mereka lakukan. Lebih malang kerana kecanggihan teknologi gagal mengenal pasti penceroboh. Misalnya, pada Februari dan Mac 2000, pencerobohan telah berlaku terhadap lebih 500 sistem komputer tentera, kakitangan kerajaan, dan sektor swasta di Amerika Syarikat. Ketika itu Amerika bersiap sedia dengan angkatan tenteranya di Teluk Parsi ekoran ketegangan antara Iraq dengan pemeriksa senjata Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Apabila berlaku pencerobohan sedemikian, pihak berkuasa Amerika Syarikat mengesyaki Iraq tetapi terbukti bahawa pihak yang bertanggungjawab ialah dua orang juvenil dari Cloverdale, California, dan beberapa orang penduduk Israel.
  - Oleh itu undang-undang siber tidak bermakna jika masih terdapat orang yang bersikap negatif dan menggunakan kemajuan komputer ke arah negatif.

Langkah

- a) Kerjasama antara negara serta secara global.
- Memperkenalkan dan menjalankan rancangan membanteras penjenayah siber.
  - Kerajaan-kerajaan negara Asia Tenggara memberikan amaran kepada penjenayah siber dan mengumumkan rancangan ini melalui Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) dengan berkongsi maklumat-maklumat dalam keselamatan komputer dan membentuk unit jenayah siber.
  - Menteri-menteri telekomunikasi ASEAN berkerjasama untuk menentukan standard ujian peralatan telekomunikasi yang boleh dilaksanakan dengan pantas dengan kos yang rendah.
- b) Menjejaki penjenayah dengan forensik komputer.
- melatih lebih forensik komputer.
  - forensik komputer digunakan dalam penyiasatan, analisis untuk mendapatkan bukti-bukti jenayah dan kemukakan kepada kekuatan undang-undang.
- c) Kerjasama antara kerajaan dengan syarikat serta pengguna internet.
- Syarikat yang ingin memulakan e-commerce perlu melakukan langkah-langkah keselamatan terdahulu dan berkongsi masalah pencerobohan dan penggodaman dengan kerajaan.
  - Pengguna internet juga boleh berkongsi pengetahuan atau memberikan cadangan kepada kerajaan untuk meningkatkan tahap teknik forensik komputer.
- d) Penerapan pendidikan dan kesedaran tentang undang-undang siber.
- Kementerian Komunikasi dan Multimedia di semua negara perlu berganding bahu untuk menerangkan kepada masyarakat tentang akibat yang diperoleh kesan penyalahgunaan internet di ruang siber.
- Usaha ini dijalankan supaya masyarakat dunia mengetahui kebebasan menggunakan internet yang diberikan oleh kerajaan mempunyai had-had yang tertentu.
  - Masyarakat juga harus sedar bahawa kebebasan dan tanggungjawab perlulah seimbang supaya teknologi maklumat yang sepatutnya digunakan untuk membantu pekerjaan seharian manusia tidak membawa padah dan akibat buruk kepada masyarakat lain.
  - Masyarakat yang tidak bertanggungjawab yang menjadi penjenayah siber ini juga perlu sedar tindakan-tindakan yang akan dikenakan terhadap mereka sekiranya didapati bersalah.
  - Penerapan nilai-nilai moral dalam diri seseorang itu juga penting supaya seseorang itu akan sentiasa berada di landasan kebaikan maka penjenayah siber ini tidak akan wujud sehingga menjadi fenomena yang kritikal pada masa ini.

#### Kesimpulan

- Kesimpulannya, undang-undang siber tidak boleh diharapkan untuk melindungi dari ancaman jenayah komputer.
- Walau bagaimanapun, semua pihak kena mengambil berat terhadap masalah ini dengan mengambil langkah melindungi sistem komputer kita sendiri.
- Hal ini demikian kerana melalui langkah tersebut masalah jenayah siber dapat diatasi dan membawa kebaikan kepada semua pihak

5. Untuk menggalakkan orang ramai menabung, sebuah institusi kewangan tempatan telah menganjurkan sayembara menulis cerpen bertemakan peribahasa “Melentur buluh, biarlah dari rebungunya.” Anda berminat untuk menyertai pertandingan tersebut.

Tulis cerpen anda selengkapnya.

Tajuk: Tabung Saya 200%

Oleh: Armel Aisya

#### Permulaan

- Faezrul merupakan pelajar sekolah rendah di salah sebuah daerah di negeri Kedah.
- Bapanya telah meninggal dunia dalam kemalangan motosikal
- Ibunya menjual kuih & nasi lemak
- Hidup kais pagi makan pagi, kais petang makan petang
- Faezrul pergi ke sekolah berbekalkan sedikit wang saku & sebungkus nasi lemak

#### Perkembangan

- Faezrul pergi ke sekolah dgn berjalan kaki
- Ibunya tidak mampu membayar tambang bas setiap hari
- Ibu sentiasa menasihati Faezrul agar jimat berbelanja & menyimpan wang baki
- Di sekolah, wang simpanan Faezrul hilang
- Wang itu disimpan di dalam beg sekolah
- Faezrul sangat sedih
- Ibu menasihati Faezrul supaya menyimpan wang di bank
- Faezrul membuka akaun bank
- Setiap bulan, dia menyimpan wang saku yang terkumpul ke dalam bank
- Sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit
- Tabiat menyimpan wang sudah sebatu semasa dia di sekolah menengah

#### Klimaks

- Faezrul terpilih untuk belajar di sekolah berasrama penuh di bandar.
- Ibunya tidak mempunyai wang untuk membeli barang keperluan dan mendaftar di sekolah tersebut.
- Faezrul menggunakan wang simpanannya untuk membeli keperluan tersebut

#### Peleraian

- Faezrul mendapat biasiswa
- Dia masih mengamalkan budaya menabung
- Lebihan wang biasiswa disimpan di dlm bank
- Sikap berjimat cermat yang ditanam oleh ibunya sejak kecil telah sebatu dalam dirinya kerana melentur buluh biarlah dari rebungunya.